

ANALISIS DESKRIPTIF PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENSYARAH FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS)

Latifah Abdul Latiff^{1*}, Ros Aiza Mohd Mokhtar² & Abd Hakim Mohad³

^{1,2,3} Pensyarah, Pusat Pengajian Teras (PPT), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM
latifah@usim.edu.my

Abstrak

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan satu kursus baharu yang diperkenalkan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bermula September 2019. Kursus ini wajib diambil oleh semua pelajar IPT termasuklah pelajar USIM. Memandangkan FIS adalah satu kursus baharu, justeru kajian ini dilihat bertepatan bagi mengkaji persepsi pelajar terhadap tenaga pengajar yang mengendalikan kursus FIS bagi semester 2, 2019/2020 semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. Kajian yang dijalankan ke atas pelajar tahun satu ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan secara talian kepada pelajar tahun satu daripada enam fakulti. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap pensyarah FIS adalah pada tahap tinggi dan positif dengan skor min yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar FIS mempunyai personaliti yang baik dan keupayaan dalam penyampaian kursus FIS. Input kajian ini penting untuk dikongsikan bersama dengan tenaga pengajar FIS bagi menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) FIS pada masa hadapan.

Kata kunci: persepsi pelajar, Falsafah dan Isu Semasa (FIS), pensyarah USIM.

Abstract

The Philosophy and Current Issues Course (FIS) is a new course introduced to students of Institutions of Higher Learning (IPT) starting September 2019. This course must be taken by all IPT students including USIM students. As FIS is a new course, therefore this research is seen to be appropriate to study students' perceptions of instructors who conduct FIS courses for semester 2, 2019/2020 during the period of Movement Control Order (MCO) COVID-19. The study was conducted on first year students using quantitative research methods. Questionnaires were distributed online to first year students from six faculties. The findings of the study show that students' perceptions of FIS lecturers are at a high level and positive with a high mean score. This shows that the FIS lecturers have a good personality and ability in the delivery of FIS course. The input of this study is important to share with FIS lecturers to improve the teaching and learning process (PdP) of FIS in the future.

Keywords: Students' perception, Falsafah dan Isu Semasa (FIS), USIM's Lecturer.

PENGENALAN

Kursus Falsafah dan Isu Semasa merupakan satu kursus baharu yang diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Kursus ini telah dijadikan sebagai mata pelajaran umum (MPU) yang wajib diambil oleh semua pelajar universiti. Ia merupakan satu kursus yang dibangunkan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang Ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Penghayatan pelajar terhadap perkara ini mampu melahirkan pelajar yang kritis sebagai persediaan kepada mereka bagi mendepani pelbagai isu dan cabaran semasa. Kajian soal selidik ini dijalankan bagi mendapatkan input daripada pelajar USIM tahun satu bagi semester 2, sesi pengajian 2019/2020 yang telah mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) berhubung persepsi mereka terhadap tenaga pengajar atau pensyarah FIS semasa kursus ini berlangsung

sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. Dapatan kajian ini penting bagi menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran kursus FIS khasnya dari segi penyampaian pengajaran pensyarah.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai persepsi pelajar terhadap tenaga pengajar atau pensyarah sesuatu kursus khasnya kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) setakat ini masih belum ada dilakukan. Justeru, kajian persepsi ini penting bagi melihat pandangan pelajar terhadap kemampuan dan profesionalisme pensyarah dalam menjalankan PdP bagi kursus baharu ini. Satu kajian persepsi telah dilakukan terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM bagi mengenal pasti tahap kepemimpinan guru dari segi imej dan integriti, kepemimpinan agama, pengajaran dan pembelajaran dan interaksi dengan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan pelajar memberi penilaian yang tinggi terhadap kepemimpinan guru Pendidikan Islam MRSM dan ini terbukti dengan skor min tinggi (Syed Najmuddin et.al, 2009). Kajian persepsi lain menyentuh tentang motivasi dan persepsi pelajar terhadap profesionalisme pensyarah dari segi gaya pakaian pensyarah. Dapatan kajian yang dilakukan ke atas pelajar program eksekutif ini menunjukkan impresi luaran iaitu gaya berpakaian pensyarah secara formal memberi kesan persepsi yang positif terhadap pelajar (Kunnasunthary, 2011). Kajian persepsi pelajar terhadap personaliti pensyarah turut dilakukan terhadap pensyarah Maktab Perguruan Kuala Terengganu. Hasil kajian menunjukkan 56% pelajar memilih personaliti pensyarah yang positif iaitu berakhlak baik dan peramah (56.67%) diikuti dengan memberi dorongan dan memotivasikan (53.33%). Ini menunjukkan bahawa pelajar melihat kepada ciri-ciri personaliti yang positif dalam diri pensyarah (Marzuki, 2005). Satu kajian telah dijalankan bagi membentuk ciri-ciri pensyarah yang baik berdasarkan kepada persepsi pelajar. Dapatan kajian yang dijalankan terhadap pelajar UKM ini menunjukkan bahawa tumpuan pelajar dalam melihat kepada ciri-ciri baik seseorang pensyarah lebih fokus kepada aspek pengajaran, sikap pensyarah terhadap pelajar dan ciri-ciri pensyarah sendiri (Mohamad Nasir & Kamaruzzaman, 2006).

Kajian persepsi lain fokus kepada sesuatu kursus, kaedah pembelajaran atau isu seperti Kajian persepsi ke atas pelajar Universiti Sains Malaysia terhadap kaedah pembelajaran “Problem-based Learning” (PBL). Dapatan kajian menunjukkan PBL dapat menggalakkan pelajar untuk belajar secara sendiri dan menjadikan mereka lebih berdikari dan menjadi seorang yang kritis dan analitikal (Siti, 2006), Kajian lain fokus kepada persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Qiraat di USIM (Zainora, 2019), persepsi pelajar Melayu UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat Pendidikan di Malaysia (Mohd Amin et.al, 2019), Kajian persepsi pelajar Melayu terhadap pemeliharaan tulisan Jawi dan penggunaan tulisan Jawi di Media (Mohd Amin, 2018),

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif. Soal selidik dijadikan sebagai instrumen bagi mendapatkan data daripada pelajar. Soal selidik dibina berpandukan kepada *Attitude/Motivation Test Battery* (AMTB) yang diperkenalkan oleh Gardner (2004). Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu; demografi responden dan persepsi pelajar terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar tahun satu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui borang *google form* secara atas talian. Sebanyak 526 borang soal selidik telah dikembalikan dan dianalisis. Prosedur persampelan berstrata digunakan dalam kajian ini dengan membuat pemilihan secara rawak iaitu pelajar tahun 1 sesi 2019/2020 daripada 6 fakulti yang terdiri

daripada aliran sains dan sains sosial. Item dalam instrumen diukur dengan menggunakan skala (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Agak Setuju (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Skala interpretasi skor min adalah berpandukan kepada Bahaman dan Turiman (1993).

Jadual 1: Skala Interpretasi Skor Min

Rendah	Sederhana	Tinggi
1 – 2.33	2.34 – 3.66	3.67 – 5

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden

Kajian yang dijalankan ini melibatkan seramai 526 pelajar tahun satu USIM yang telah mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) pada semester 1, 2019/2020. Perincian berkenaan maklumat demografi responden dalam kajian ini diringkaskan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Demografi Responden

Perkara	Perincian	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	131	24.9
	Wanita	395	75.1
Fakulti	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)	6	1.1
	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)	194	36.9
	Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)	97	18.4
	Fakulti Pergigian (FPg)	1	0.2
	Fakulti Sains dan Teknologi (FST)	158	30.0
	Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)	70	13.3


Jadual 3

Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Faktor Pensyarah	4.4864	0.50150	Tinggi

Jadual 4 dan graf di bawah menunjukkan persepsi pelajar terhadap pensyarah dari segi hubungan antara pensyarah dan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan 64.1% pelajar sangat setuju dengan pernyataan di atas bahawa “Pensyarah FIS mempunyai hubungan baik dengan pelajar” dengan 337 pelajar diikuti dengan 31.4% iaitu 165 pelajar setuju dengan pernyataan ini dan 22 pelajar agak setuju dengan pernyataan ini. Hanya 2 orang pelajar tidak setuju dengan pernyataan ini iaitu 0.4%.

Jadual 4: Pensyarah FIS mempunyai hubungan baik dengan pelajar


	Kekerapan	%	Min
Tidak Setuju	2	.4	4.59
Agak Setuju	22	4.2	
Setuju	165	31.4	
Sangat Setuju	337	64.1	



Jadual 5 dan graf berikut menunjukkan dapatan persepsi pelajar yang berpandangan bahawa “pensyarah FIS berkeyakinan dalam mengajar kursus FIS”. Sejumlah 357 pelajar iaitu 67.9% sangat setuju dengan tanggapan ini diikuti dengan 151 pelajar iaitu 28.7% setuju dengan pernyataan ini dan 15 orang iaitu 2.9% pelajar agak setuju bahawa pensyarah berkeyakinan mengajar kursus FIS. Hanya 0.6% iaitu 3 pelajar tidak setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 5: Pensyarah FIS berkeyakinan dalam mengajar kursus FIS

	Kekerapan	%	Min
Tidak Setuju	3	.6	4.64
Agak Setuju	15	2.9	
Setuju	151	28.7	
Sangat Setuju	357	67.9	




Jadual 6 dan graf di bawah menunjukkan 40.5% pelajar iaitu 213 orang sangat setuju dengan pernyataan bahawa “pensyarah FIS tegas terhadap pelajar yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan”. 255 orang iaitu 48.5% pelajar setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 10.5% iaitu 55 orang agak setuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 0.6% iaitu 3 orang tidak setuju dengan

pernyataan ini. Ini menunjukkan 89% pelajar setuju dengan pernyataan bahawa pensyarah FIS tegas terhadap pelajar yang tidak mengikut peraturan.

Jadual 6: Pensyarah FIS tegas terhadap pelajar yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.


	Kekerapan	%	Min
Tidak Setuju	3	.6	4.29
Agak Setuju	55	10.5	
Setuju	255	48.5	
Sangat Setuju	213	40.5	



Jadual 7 dan graf di bawah merumuskan item “Pensyarah FIS memahami masalah dan kekangan pelajar”. 52.5% iaitu 276 pelajar sangat setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 35.4% iaitu 186 pelajar setuju dengan pernyataan ini. 10.8% iaitu 57 pelajar agak setuju dengan pernyataan ini. Seramai 5 pelajar iaitu 1.0 % pelajar tidak setuju dan 2 pelajar iaitu 0.4% pelajar sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap pensyarah bahawa pensyarah FIS memahami masalah dan kekangan pelajar. 87.9% pelajar setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 7: Pensyarah FIS memahami masalah dan kekangan pelajar


	Kekerapan	%	Min
Sangat Tidak Setuju	2	.4	4.39
Tidak Setuju	5	1.0	
Agak Setuju	57	10.8	
Setuju	186	35.4	
Sangat Setuju	276	52.5	



Jadual 8 di bawah membincangkan mengenai item “Pensyarah FIS bersikap terbuka terhadap cadangan dan pendapat pelajar” mendapat respon positif daripada pelajar. 60.6% pelajar iaitu 319 pelajar sangat setuju dengan pernyataan ini diikuti dengan 33.3% iaitu 175 pelajar yang setuju dengan pernyataan ini. 5.7% pelajar iaitu 30 pelajar agak setuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 0.4% iaitu 2 pelajar sahaja yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa respon pelajar berkenaan pernyataan “Pensyarah FIS bersikap terbuka terhadap cadangan dan pendapat pelajar” adalah sangat positif dengan 93.9% pelajar setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 8: Pensyarah FIS bersikap terbuka terhadap cadangan dan pendapat pelajar.


	Kekerapan	%	Min
Tidak Setuju	2	.4	4.54
Agak Setuju	30	5.7	
Setuju	175	33.3	
Sangat Setuju	319	60.6	



Jadual 9 bagi item “Pensyarah FIS selalu menepati masa”, 53.6% pelajar iaitu 282 sangat setuju dengan pernyataan ini, diikuti dengan 40.1% iaitu 211 orang yang setuju dengan pernyataan ini. 6.1% iaitu 32 orang pelajar agak setuju dengan pernyataan ini. Hanya 0.2% iaitu seorang pelajar yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap pensyarah bagi pernyataan bahawa “Pensyarah FIS selalu menepati masa” dengan 493 pelajar atau 93.7% setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 9: Pensyarah FIS selalu menepati masa

	Kekerapan	%	Min
Tidak Setuju	1	.2	4.47
Agak Setuju	32	6.1	
Setuju	211	40.1	
Sangat Setuju	282	53.6	



PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar yang mengambil Kursus FIS pada semester 2, 2019/2020 mempunyai persepsi yang sangat baik dan positif terhadap pensyarah FIS. Secara keseluruhannya, data yang diperolehi menunjukkan skor min adalah antara 4.29 ke 4.64 bagi semua item. Min tertinggi ialah bagi item “Pensyarah FIS berkeyakinan dalam mengajar kursus FIS”. Peratus responden yang menjawab sangat setuju adalah sangat tinggi iaitu 67.9% diikuti dengan 28.7% yang setuju dengan pernyataan ini. Skor min bagi item ini ialah 4.64. Ini menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang tinggi dan sangat positif terhadap kemampuan pensyarah mengajar kursus FIS.

Manakala skor min terendah ialah bagi item “Pensyarah FIS tegas terhadap pelajar yang tidak mengikut peraturan yang ditetapkan” dengan skor min 4.29. Peratus responden yang menjawab sangat setuju agak tinggi iaitu 40.5% diikuti dengan 48.5% yang setuju dengan pernyataan di atas. Jumlah keseluruhan pelajar yang setuju dengan pernyataan ini ialah 468 orang iaitu 89%. Hanya 0.6% atau 3 pelajar yang tidak setuju dengan pernyataan ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap pensyarah berhubung ketegasan pensyarah terhadap pelajar yang tidak mematuhi peraturan. Ini menunjukkan bahawa para pelajar setuju dengan ciri-ciri positif yang ada pada pensyarah khususnya yang berkaitan dengan aspek pengajaran dan sikap pensyarah terhadap pelajar (Mohamad Nasir & Kamaruzzaman, 2006).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan pelajar memberi respon yang positif terhadap item-item kajian berhubung persepsi mereka terhadap pensyarah Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Kajian ini dapat dijadikan sebagai kayu ukur dalam menilai persepsi dan pandangan pelajar terhadap pensyarah FIS di USIM. Dapatan ini penting untuk dijadikan sebagai panduan kepada pensyarah khususnya yang mengajar kursus FIS dalam mengenal pasti kesediaan mereka mengajar kursus FIS yang pertama kali ditawarkan di USIM. Walaubagaimanapun, data telah menunjukkan pensyarah FIS telah mengamalkan ciri-ciri positif sebagai tenaga pengajar dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menjadikan kursus FIS lebih menarik, mudah difahami dan bersifat interaktif bagi menarik minat pelajar mempelajari kursus FIS. Data juga menunjukkan kecaknaan pensyarah terhadap permasalahan dan keperluan pelajar. Dapatan kajian membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap pensyarah FIS adalah sangat positif sepanjang tempoh semester 2, 2019/2020 khasnya dalam pengendalian kuliah dalam talian. Ini terbukti apabila 87.9% pelajar bersetuju dengan pernyataan bahawa pensyarah FIS memahami masalah dan kekangan pelajar.

RUJUKAN

- Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL*, Vol. 13. 1-14.
- Bahaman Abu Samah & Turiman Suandi. (1999). *Statistic for Social Research with Computer Application*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Daud, Z. (2019). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. <http://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/53>

- Gardner. R. C. (2004). "Attitude/Motivation Test Battery: International AMTB Research Project." The University of Western Ontario, Canada. <https://publish.uwo.ca/~gardner/docs/englishamtb.pdf>
- Kunnasunthary A/P Ramachandran (2011). Motivasi dan Persepsi Pelajar Program Eksekutif Terhadap Profesionalisme Pensyarah dari Segi Gaya Pakaian Pensyarah. Ijazah Sarjana Sains, UPM.
- Marzuki bin Ngah. (2005). Persepsi Pelajar-Pelajar KPLI Maktab Perguruan Kuala Terengganu Terhadap Personaliti Pensyarah Maktab. <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/marzukiMPKT.pdf>/akses 9 Oktober 2020.
- Mohammad Nasir Saludin & Kamaruzzaman Matharsha. (2006). Penentuan Keutamaan Ciri-ciri Pensyarah yang Baik dari Perspektif Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. Bil. 9. Jun. m/s. 91-107.
- Mohd Amin, N dan Abdul Rahman, N.A. (2019). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi di Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia: Sejauh Mana Usaha-usaha Meluaskan Pembelajaran Jawi Dapat Dilaksanakan? *Jurnal Sains Insani*, USIM. <http://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/75/9> Oktober 2020.
- Mohd Amin, N, Abdul Rahman, N.A., Razali, W.N. (2018). Pemeliharaan Tulisan Jawi dan Penggunaan Tulisan Jawi di Media: Kajian Persepsi Pelajar Melayu di UNITEN. *Jurnal Sains Insani (JSI)*. <http://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/54/> akses 9 Oktober 2020.
- Siti Norbaizura binti Hj. Awad. (2006). Kajian Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Pendekatan "Problem-based Learning" (pbl) (Suatu Kajian Tinjauan di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan) <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwP/SITINORBAIZURABP020053D2006TTP.pdf>/ akses 8 Oktober 2020.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othman & Mohd. Sabri Mamat. (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50.